



**Terbitan bulanan berterusan sehingga Oktober**

**Chung Chee Leong,**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas

# Cagamas terbit bon, sukuk RM1.55 billion

**Cagamas** Bhd, menerbitkan bon dan sukuk bernilai RM1.55 bilion untuk mengumpul dana bagi membiayai pembelian pinjaman gadai janji dan pembiayaan perumahan Islam daripada sistem kewangan.

Transaksi terbaru berkenaan, merangkumi Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) RM800 juta bagi tempoh tiga tahun dan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) bernilai RM750 juta juga bagi tiga tahun.

Ia sekali gus menjadikan keseluruhan terbitan syarikat itu setakat ini bagi 2018 bernilai RM12.3 bilion,

menurut Cagamas dalam kenyataan semalam.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong, berkata setakat ini menyaksikan terbitan bulanan berterusan sehingga Oktober, dengan langkah terbitan terbaharu ini adalah yang ke-19 bagi 2018.

## Terima bidaan aktif

“Kedua-dua CMTN dan IMTN ini menerima bidaan aktif dan berjaya memperoleh harga purata wajaran yang kompetitif pada 4.09 peratus, mewakili tebaran 49 mata asas ber-

banding Sekuriti Kerajaan Malaysia bertempoh tiga tahun yang sama,” katanya.

Chee Leong berkata, agregat RM1.55 bilion CMTN dan IMTN bertempoh tiga tahun itu diputuskan melalui proses penetapan harga dengan persetujuan penjual dan yang mendapat penyertaan dari pada pelbagai kumpulan pelabur termasuk dana kekayaan negara dan pengurus aset asing.

Setakat ini bagi 2018, Cagamas menerbitkan CMTN bernilai RM4.8 bilion, IMTN bernilai RM3.8 bilion, gabungan kertas konvensional

jangka pendek dan kertas komersial Islam bernilai RM3 bilion serta bon dalam denominasi mata wang asing dengan nilai bersamaan RM650 juta.

Cagamas, perbadanan gadai janji nasional ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan pemilikan rumah dan pertumbuhan pasaran gadai janji sektor menengah di Malaysia.

Ia menerbitkan bon korporat dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan institusi bukan kewangan.